

Ismail Sabri tolak khabar angin bakal PM sementara

BH - 2/8/2021
m/s: 2

TPM minta rakyat
tak layan isu
dimainkan pihak
cuba gugat
keharmonian

Oleh TN Alagesh
dan Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Bera: Datuk Seri Ismail Sabri Yakob menolak khabar angin akan dilantik sebagai Perdana Menteri (PM) sementara dan menegaskan dakwaan kemungkinan kerajaan sementara akan turut dibentuk seperti yang tersebar dalam media sosial, tidak perlu dilayan.

Timbalan Perdana Menteri (TPM) menyifatkan isu berkenaan sengaja dimainkan oleh pihak tertentu, termasuk berikutan penangguhan Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, hari ini.

“Orang ramai jangan dengar serta terpengaruh dengan khabar angin pembentukan kerajaan dan pelantikan Perdana Menteri sementara yang disebarikan dalam media sosial.

“Jangan layan dan mainkan isu ini kerana pihak terbabit cuba memecahbelahkan keharmonian rakyat.

“Lagipun, saya difahamkan, dalam Perlembagaan Persekutuan, tidak ada istilah interim.

“Istilah PM interim dan kerajaan interim tiada dalam Perlembagaan,” katanya selepas menyampaikan Bantuan Bakul Makanan kepada Ketua Kampung Charuk Puting, Batu Bor, Guai dan Paya Mengkuang di sini, semalam.

Pada majlis itu, 19,372 bakul makanan diagihkan kepada penduduk di kawasan Bera, termasuk di kawasan PKPD.

Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera turut meminta semua pihak kekal tenang dan bersatu padu, terutama semasa negara berdepan pandemik COVID-19 dan ketika kerajaan terus fokus kepada usaha menangani cabaran itu, termasuk tanggungjawab besar untuk membantu rakyat yang terkesan.

Dalam perkembangan berkaitan, Naib Presiden UMNO itu mengesahkan kenyataan dikeluarkan pada 29 Julai lalu bahawa 40 Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) menyokong kerajaan Perikatan Nasional (PN) di

bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, adalah sah.

“Kenyataan itu dibuat selepas saya mengadakan pertemuan dengan Ahli Parlimen terbabit.

“Kekeliruan hanya membabitkan penggunaan kepala surat BN. Kami adalah wakil rakyat bawah BN, justeru guna kepala surat BN.

“Bila saya nak keluaran kenyataan itu, mana boleh saya guna kepala surat lain.

“Saya dan Ahli Parlimen lain yang terbabit adalah daripada BN,” katanya menegaskan, sepatutnya tidak timbul isu penggunaan kepala surat BN itu kerana yang lebih penting adalah isi kandungan kenyataan berkenaan.

Kenyataan beliau sebelum ini dipersoalkan Setiausaha Eksekutif BN, Datuk Mohamad Safri Ab Aziz kerana menggunakan kepala surat berlogo BN.

Sementara itu, Ismail Sabri memaklumkan, mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO sebelum ini sudah memutuskan semua ahli Parlimen daripada parti itu boleh menggunakan budi bicara masing-masing untuk menentukan sokongan terhadap kerajaan PN.